



SIARAN AKHBAR 02/2026

**TIGA (03) PEMUDA PENGEDAR DADAH DITANGKAP SEMASA OPERASI
KIYOMERU**

Bandar Seri Begawan, 10 Mac 2026

Biro Kawalan Narkotik (BKN) telah melancarkan beberapa siri operasi serbuan bagi melumpuhkan beberapa rangkaian pengedaran dadah yang aktif di Kampong Ayer menerusi Operasi Kiyomeru. Rangkaian-rangkaian pengedar dadah yang menjadi sasaran dalam Operasi Kiyomeru ini diketahui mempunyai kaitan dengan rangkaian pengedaran yang telah ditumpaskan oleh BKN sebelum ini.


Beberapa siri serbuan operasi bermula sejak Disember 2025 sehingga Februari 2026 menyasarkan kepada beberapa lokasi berasingan di daerah Brunei dan Muara seperti Kampong Bunut, Kampong Pangkalan Batu dan beberapa kawasan di Kampong Ayer terutamanya Kampong Tamoi. Secara keseluruhan, operasi ini telah menahan seramai **36 orang** yang terdiri daripada 27 lelaki dan sembilan (09) perempuan dalam lingkungan umur **18 hingga 57 tahun**.


Sehingga kini, Operasi Kiyomeru menghasilkan rampasan-rampasan berikut:

- **209.39 g** Syabu
- Wang tunai berjumlah **BND6,836** dan **SGD22** dipercayai hasil dari kegiatan pengedaran dadah
- Alat perkakas untuk menyalahgunakan dadah
- Peralatan untuk membungkus (*packing*) dadah seperti gunting, alat timbangan digital dan plastik lutsinar kosong



- Sebuah kendaraan dipercayai digunakan dalam menjalankan kegiatan dadah
- Beberapa barang kemas dipercayai hasil dari kegiatan pengedaran dadah







Dadah Syabu yang dirampas dianggarkan bernilai lebih dari BND20,000 di pasaran tempatan dan boleh menampung sekurang-kurangnya 2,000 pengguna dadah.

Modus Operandi rangkaian ini ialah dengan menggunakan golongan muda dan kenalan rapat sebagai penyimpan bekalan dadah dengan bayaran upah. Selain itu, mereka juga digunakan sebagai *runner* untuk menjalankan tugas-tugas menerima bekalan dan penghantaran dadah kepada pembeli-pembeli di Kampong Ayer termasuk di Kampong Tamoi dan kampung-kampung lain berdekatan.

Siasatan BKN mendapati bahawa tiga (03) orang tangkapan yang kesemuanya berumur 20 tahun yang terlibat dalam rangkaian Operasi Kiyomeru ini berperanan sebagai pembekal dadah dan penyimpan bekalan dadah. Mereka disiasat di bawah Seksyen 3A, Akta Penyalahgunaan Dadah,



Penggal 27 atas kesalahan memiliki dadah terkawal bagi tujuan mengedar yang mana, jika sabit, boleh membawa hukuman gantung sampai mati. Manakala, tiga (03) orang tangkapan lainnya turut disiasat di bawah Seksyen 83 (1) Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah, 2012 (*Criminal Asset Recovery Order - CARO*).

BKN akan terus menjalankan operasi serbuan dan tangkapan dalam usaha menumpaskan rangkaian pengedar-pengedar dadah yang terus menjalankan aktiviti haram ini tanpa menghiraukan kerosakan dan kesan negatif kepada kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Dalam kesempatan ini, BKN ingin merakamkan penghargaan atas bantuan kerjasama dari agensi-agensi perisikan keselamatan yang menyumbang kepada kejayaan operasi ini.

Biro Kawalan Narkotik

Jabatan Perdana Menteri

Bandar Seri Begawan

Brunei Darussalam

20 Ramadhan 1447H / 10 Mac 2026M